

18/01/1999

Kajian ekstrak Bintangor diketahui bulan depan

KUALA LUMPUR, Ahad - Hasil kajian mengenai ekstrak pokok Bintangor yang dikatakan mempunyai penawar mengubati penyakit HIV/Aids, dijangka diketahui Februari depan.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Marina Mahathir, berkata kajian itu yang bermula September tahun lalu, kini di peringkat fasa 1B iaitu sedang diuji oleh sukarelawan HIV positif.

Katanya, pada masa ini ekstrak pokok berkenaan (yang juga boleh didapati di Indonesia di bawah nama Betur Belulang), sedang dikaji kerana ada ciri anti-HIV.

"Kajian bermula September tahun lalu dan dijangka memberi hasil Februari depan.

"Kami sedang menunggu laporan daripada Sarawak Medichem, syarikat yang menjalankan kajian ini," katanya dalam satu kenyataan kepada Berita Harian di sini.

Beliau mengulas mengenai penyelidikan makmal Institut Kanser Kebangsaan Amerika Syarikat (NCI) terhadap pokok Bintangor atau nama saintifiknya, *Calophyllum Lanigerum* yang dikatakan berjaya menghasilkan penawar mengubati HIV/Aids.

Berikutan itu, sebuah syarikat Amerika Syarikat, dengan kerjasama kerajaan Sarawak, dijangka membuat permohonan kepada Pentadbiran Dadah dan Makanan (FDA) Amerika bagi memasarkan ubat baru itu.

Ujian terhadap ekstrak *Calophyllum Lanigerum* itu kini pada peringkat praklinikal dan dijangka menjadi satu ubat tradisional dalam merawat HIV/Aids.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, dilaporkan berkata, penemuan itu unik kerana pokok berkenaan hanya boleh didapati di Sarawak, sekali gus membuktikan Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian biologi.

Marina bagaimanapun berkata, mungkin terlalu awal untuk menamakan Pokok Bintangor sebagai penawar mengubati HIV/Aids.

Namun beliau berharap ekstrak pokok Bintangor, +(-) Calanolide A itu boleh menjadi bahan untuk rawatan pesakit Aids secara lebih berkesan berbanding perubatan sedia ada.

"Memang semua pesakit Aids dan doktor berharap begitu," katanya sambil menjelaskan rakyat negara ini patut berbangga, jika rawatan ini berasal dari Malaysia.

Mengenai kos rawatan bagi pesakit Aids, Marina menjelaskan, isu itu masih menjadi halangan untuk membolehkan pesakit Aids menerima rawatan sewajarnya dan tidak menanggung beban kerana kos yang terlalu tinggi.

Bagaimanapun, katanya, beliau belum pasti sama ada kos juga akan menjadi isu bagi ekstrak pokok Bintangor, +(-) Calanolide A ini.

(END)